

Bahagian A
[20 markah]
Jawab semua soalan.

- 1 Pada tahun 1784, Belanda berperang dengan angkatan Johor dan Selangor.
Mengapakah perang tersebut berlaku?
A Bimbang penguasaan Tanah Melayu
B Masalah perebutan perairan Selat Melaka
C Berlaku perselisihan faham tentang perdagangan
D Bimbang penguasaan Selangor ke atas Selat Melaka

- 2 Apakah kesan daripada perjanjian di bawah?

- Pada tahun 1650, Belanda mengadakan perjanjian dengan Perak
- Pada tahun 1786, Belanda mengadakan perjanjian dengan Selangor

- A Berlaku tipu daya oleh kuasa Barat
B Pemimpin tempatan kehilangan kuasa dan jawatan
C Perubahan besar-besaran dalam politik, ekonomi dan sosial
D Rakyat memberontak kerana menolak penjajahan kuasa Barat

- 3 Maklumat berikut menunjukkan perkara yang menimbulkan perasaan tidak puas hati golongan pedagang dan penduduk tempatan terhadap Pejabat India di Negeri-negeri Selat.

- Tiada wakil Negeri-negeri Selat dalam Majlis Perundangan di India yang meluluskan undang-undang bagi Negeri-negeri Selat
- Gagal mengawal masalah rompakan terhadap kapal dagang dan pertelingkahan kumpulan Cina di Negeri-negeri Selat

Apakah kesannya?

- A Sistem Residen diperkenalkan
B Ibu negeri ditukarkan ke Singapura
C Pemindahan pentadbiran ke London
D Syarikat Hindia Timur Inggeris dibubarkan

- 4 *India Office* (Pejabat India) dibentuk pada tahun 1858 untuk mengawasi pentadbiran British India yang meliputi wilayah India, Pakistan, Bangladesh, Burma dan wilayah-wilayah lain di sekitar Lautan Hindi.
Siapakah yang mengetuai jabatan ini?

- A Gabenor India
B Residen British
C Majlis Eksekutif
D Setiausaha Negara

- 5 Antara berikut, yang manakah merupakan faktor pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu?

- I Menyeragamkan pentadbiran
II Menjamin penguasaan pelabur luar
III Meningkatkan ekonomi negeri Melayu
IV Menangani masalah kewangan Pahang
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 6 Maklumat berikut menunjukkan ahli Durbar.

- Pesuruhjaya Tinggi British
- Raja-raja Melayu
- Residen Jeneral
- Residen British

Mengapakah British menubuhkan Durbar?

- A Memupuk perpaduan kaum
B Mengatasi kekurangan pegawai
C Mendapatkan sokongan Raja-raja Melayu
D Menjimatkan kos perbelanjaan dalam pentadbiran

- 7 Apakah kesan pelantikan Penasihat Am British pertama di Johor kepada negeri tersebut?

- A Johor menjadi negeri bebas
B Menukarkan taraf negeri Johor
C Kedudukan dan kedaulatan sultan dinafikan
D Sultan berkuasa mutlak dalam pentadbiran

- 8 Pasukan Askar Timbalan Setia Negeri Johor ditubuhkan pada tahun 1885 sewaktu pemerintahan Sultan Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar.

Apakah tujuan penubuhan pasukan tersebut?

- I Melindungi institusi diraja
II Mengawal perairan negeri
III Mencegah masalah jenayah
IV Menjaga keselamatan Sultan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 9 Pembentukan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu memberikan kesan besar kepada perkembangan pentadbiran.

Apakah kesan tersebut?

- I Pengenalan Birokrasi Barat
- II Pengekalan kedudukan sultan
- III Penghapusan sistem pemerintahan beraja
- IV Penghapusan amalan pentadbiran yang demokrasi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 10 Maklumat berikut menunjukkan usaha yang dilakukan terhadap Sarawak dan Sabah.

- Pengekalan golongan elit tempatan
- Pentadbiran berasaskan kaum
- Pentadbiran berhierarki
- Perundangan

Apakah usaha tersebut?

- A Pertapakan Syarikat Borneo Utara British
- B Pembahagian residensi di Sarawak dan Sabah
- C Peluasan kuasa Syarikat Borneo Utara British
- D Pemantapan pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

- 11 Antara berikut, institusi peribumi yang manakah dikekalkan oleh SBUB di Sabah?

- I Datu Hakim
- II Ketua Anak Negeri
- III Ketua Kampung (Orang Tua)
- IV Keturunan Dinasti Brooke dan residen

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 12 Jadual berikut menunjukkan sistem pecah dan perintah yang diamalkan oleh Dinasti Brooke di Sarawak.

Kaum	Bidang penglibatan
Melayu	Pentadbiran
Iban	Ketenteraan
Cina	Ekonomi

Apakah kesan pelaksanaan sistem tersebut?

- A Perkembangan bandar baharu
- B Pertambahan penduduk bandar
- C Perpaduan antara kaum tidak wujud
- D Peningkatan dalam ekonomi komersial

- 13 Apakah faktor kemunculan bandar Miri pada abad ke-20?

- A Perkembangan sistem pengangkutan
- B Penemuan petroleum pada tahun 1910
- C Orang Cina berpindah untuk menjalankan perdagangan
- D Banyak rangkaian jalan raya dan bangunan kerajaan yang dibina

- 14 Maklumat berikut menunjukkan senarai sekolah vernakular.

- Sekolah Melayu
- Sekolah Cina
- Sekolah Tamil

Apakah kesan daripada perkembangan sekolah vernakular tersebut terhadap Tanah Melayu?

- A Berlaku rusuhan kaum
- B Perpaduan sukar dicapai
- C Kemajuan tidak seimbang
- D Bilangan buruh meningkat

- 15 British membangunkan perkhidmatan perubatan untuk mengawal wabak penyakit yang semakin meningkat.

Apakah kesan penubuhan Institut Penyelidikan Perubatan di Kuala Lumpur pada tahun 1900?

- A Bilangan doktor bertambah
- B Kadar kelahiran penduduk meningkat
- C Bilangan pesakit semakin berkurangan
- D Masyarakat berubah kepada rawatan moden

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan kebangkitan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu pada tahun 1928.

- Mengisytiharkan perang terhadap British
- Menduduki balai polis dan bangunan kerajaan
- Mengibarkan bendera merah di Kuala Berang

Apakah tindakan British dalam menghadapi tentangan tersebut?

- A Merampas tanah penduduk
- B Menggunakan nama sultan
- C Memulaukan wilayah Kuala Berang
- D Menjatuhkan hukuman buang negeri ke Makkah

- 17 Maklumat berikut menunjukkan tindakan berhati-hati British untuk melantik Residen kesan daripada penentangan masyarakat tempatan.

Ciri-ciri Residen yang dilantik
- Berpengalaman - Fasih berbahasa Melayu - X

Apakah X?

- A Menerima agama Islam
- B Mendapat persetujuan Sultan
- C Mengamalkan sistem pembesar
- D Menguasai adat resam tempatan

- 18 Rajah berikut menunjukkan pemerintah Kesultanan Johor dari tahun 1862 – 1895.



Sultan Abu Bakar

Apakah ciri kepimpinan baginda yang dapat dicontohi oleh pemimpin kini dalam menangani cabaran luar?

- A Sabar
- B Berani
- C Diplomasi
- D Bermuafakat

- 19 Jadual berikut menunjukkan antara sultan yang didesak menerima Penasihat British.

Negeri	Sultan
Johor	Sultan Ibrahim
Terengganu	X

Apakah X?

- A Sultan Idris
- B Sultan Muhammad II
- C Sultan Iskandar Shah
- D Tuanku Abdul Rahman

- 20 Gambar berikut menunjukkan logo pasukan Rejimen Askar Melayu pertama.



Antara berikut, tokoh yang manakah bertanggungjawab dalam penubuhan pasukan tersebut?

- I Raja Chulan ibni Sultan Abdullah
 - II Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi
 - III Dato' Muhammad Salleh bin Perang
 - IV Tuanku Muhammad ibni Yamtuan Antah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV